



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 2

SEKOLAH KEBANGSAAN



PENDIDIKAN MORAL TAHUN 2 SK

RM9.00

ISBN 978-983-49-1611-4

9 789834 916114

BT112001





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

PENDIDIKAN MORAL

TAHUN 2

SEKOLAH KEBANGSAAN

PENULIS

**KUGAN A/L RAVENDRAN
MOHD FU'AD BIN SAM
WANG LOCK HUI**

EDITOR

MD SHUKURI BIN HAMZAH

PEREKA BENTUK

JOHARI BIN OSMAN

ILUSTRATOR

SYAIFUL MANNAN BIN ZAINUDDIN



DBP

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2017**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0135

KK 370-221-0102011-49-1611-20101
ISBN 978-983-49-1611-4

Cetakan Pertama 2017
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Mudah Urus Enterprise Sdn. Bhd.,
No. 143, Jalan KIP 8,
Taman Perindustrian KIP,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SK Hulu Kelang, Hulu Kelang, Selangor.
- SK Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan.
- SK Senawang, Seremban, Negeri Sembilan.
- SK St. Paul, Seremban, Negeri Sembilan.

Terima kasih juga kepada organisasi atau orang perseorangan yang bersama-sama menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

v

UNIT 1 TAJUK : AJARAN AGAMA KELUARGA SAYA

Nilai : Kepercayaan kepada Tuhan

i

UNIT 2 TAJUK : BAIK HATI KELUARGA BAHAGIA

Nilai : Baik Hati

7

UNIT 3 TAJUK : TANGGUNGJAWAB SAYA DALAM KELUARGA

Nilai : Bertanggungjawab

13

UNIT 4 TAJUK : TERIMA KASIH, KELUARGAKU

Nilai : Berterima Kasih

19

UNIT 5 TAJUK : HEMAH TINGGI DALAM KELUARGA

Nilai : Hemah Tinggi

25

UNIT 6 TAJUK : HORMATI KELUARGA HIDUP GEMBIRA

Nilai : Hormat

33

UNIT 7 TAJUK : KELUARGA BAHAGIA

Nilai : Kasih Sayang

41

UNIT
8

TAJUK : KELUARGA YANG ADIL HIDUP SEJAHTERA

Nilai : Keadilan

49

UNIT
9

TAJUK : BERANI DEMI NAMA BAIK KELUARGA

Nilai : Keberanian

57

UNIT
10

TAJUK : JUJUR SELALU

Nilai : Kejujuran

65

UNIT
11

TAJUK : SIKAP RAJIN AMALAN KELUARGA

Nilai : Kerajinan

73

UNIT
12

TAJUK : KERJASAMA MERINGANKAN BEBAN KELUARGA

Nilai : Kerjasama

81

UNIT
13

TAJUK : BERSEDERHANA AMALAN KELUARGA

Nilai : Kesederhanaan

89

UNIT
14

TAJUK : TOLERANSI SESAMA AHLI KELUARGA

Nilai : Toleransi

97

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Sejalan dengan perubahan ini, buku teks Pendidikan Moral Sekolah Kebangsaan (SK) diterbitkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Semakan Pendidikan Moral yang terkini.

Buku teks *Pendidikan Moral Tahun 2 SK* berfokus kepada tema “Saya dan Keluarga”. Sebanyak 14 nilai, iaitu kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi yang dimuatkan dalam buku ini. Kandungan buku ini diolah dan disampaikan dalam pelbagai cara untuk menarik minat murid agar mereka memahami, menghayati dan mengamalkan nilai tersebut dalam kehidupan seharian.

Kandungan buku teks ini memberikan penekanan kepada kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Antaranya termasuklah, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi merangsang pemikiran murid. Aktiviti pembelajaran abad ke-21 seperti *Round Table, Role Play, Gallery Walk, Three Stray One Stay* dan *i-Think* juga dimuatkan dalam buku teks ini sejajar dengan keperluan semasa pendidikan masa ini. Selain itu, elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan, elemen teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemahiran berfikir, kemahiran penyelesaian konflik dan pembelajaran berasaskan projek juga diaplikasikan melalui aktiviti yang telah dirancang. Elemen perpaduan turut diterjemahkan melalui idea-idea yang disampaikan agar dapat memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid.

Setiap unit dalam kandungan buku teks ini berfokus kepada satu nilai seperti yang terkandung dalam DSKP. Pelbagai teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menarik disediakan dalam buku ini. Pelbagai aktiviti *hands-on* digunakan bagi memantapkan pemahaman murid tentang nilai yang dipelajari. Buku teks ini juga menyediakan pentaksiran yang berbentuk formatif dan sumatif. Bagi memastikan semua murid dapat mengikut perkembangan pembelajaran secara berperingkat, bahagian-bahagian dalam setiap unit disusun mengikut komponen seperti yang berikut:



KONSEP

Komponen ini menerangkan konsep nilai dalam DSKP yang menjadi fokus sesuatu unit. Komponen ini bertujuan untuk membantu murid memahami nilai secara berkesan melalui aktiviti yang dirancang.



PENGUKUHAN

Komponen ini bertujuan untuk memberikan penegasan terhadap pemahaman murid tentang nilai yang dipelajari melalui pelbagai aktiviti yang dirancang. Tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral menjadi tunjang utama dalam komponen ini.





PEMULIHAN

Komponen ini membantu murid meningkatkan pemahaman mereka dalam menguasai dan mengaplikasikan nilai yang telah dipelajari melalui aktiviti yang lebih mudah dan berkesan.



PENGAYAAN

Komponen ini menyediakan aktiviti yang lebih mencabar pemikiran murid agar potensi murid dapat dikembangkan ke tahap yang lebih optimum untuk membantu mereka berperasaan dan bertindak mengikut nilai moral.



PENILAIAN

Komponen ini menyediakan pelbagai aktiviti penilaian bagi mengukur tahap penguasaan murid dalam sesuatu nilai.



STANDARD PEMBELAJARAN

Komponen ini memberikan panduan kepada guru untuk membimbing murid mencapai Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam DSKP.



Nota Guru **NOTA GURU**

Komponen ini bertujuan untuk menerangkan cadangan PdP dan idea tambahan bagi membantu guru melaksanakan aktiviti yang dirancang.



KBAT

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.



QR Code

IMBAS SAYA

Penulis berharap buku teks ini akan memberikan manfaat kepada murid dalam usaha memupuk kerohanian dan moraliti murid melalui perkembangan moral dari segi penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Semoga kandungan dalam buku teks ini dapat meningkatkan pemahaman, penghayatan dan amalan nilai dalam kalangan murid. Seterusnya dapat dijadikan sebagai panduan hidup mereka dalam membuat keputusan dan tindakan berteraskan moral. Akhir kata, diharap penerbitan buku teks ini dapat memenuhi matlamat DSKP KSSR Semakan Pendidikan Moral untuk melahirkan dan membentuk insan yang menyeluruh serta bersepadu berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.





Ceritakan gambar di bawah.



Patuh kepada Ajaran Agama

Islam



Mengucapkan salam.

Buddha



Menghormati ibu bapa.

Hindu



Meletakkan "Vibuthi".

Kristian



Berdoa sebelum makan.

Sikh



Memakai turban.



Apakah perasaan kamu apabila patuh kepada ajaran agama?

1.1
1.4



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menceritakan gambar di atas.
- Minta murid untuk menyatakan contoh perlakuan patuh kepada ajaran agama dalam keluarga mereka.
- "Vibuthi" bermaksud abu suci.





Patuh kepada Ajaran Agama

Fahami gambar.


1

Tujuan patuh kepada ajaran agama.



Mengeratkan hubungan dalam keluarga.

Kami patuh kepada ajaran agama. Keluarga kami hidup bahagia.




2



Disayangi keluarga.

3



Saling menghormati.

5



Dicontohi ahli keluarga.

4



Membanggakan ahli keluarga.



Apakah tujuan kamu patuh kepada ajaran agama?
 Ceritakan cara kamu taat kepada keluarga mengikut ajaran agama.

1.1
 1.2
 1.3



Nota Guru

- Bimbing murid untuk memahami gambar di atas.
- Kaitkan perlakuan patuh kepada ajaran agama dengan taat kepada keluarga.
- Bimbing murid untuk menceritakan agama dan kepercayaan masing-masing.



Ajaran Agama Kami

Cari laluan yang betul mengikut ajaran agama.



Buddha




Islam



Hindu



Kristian



Mari Berikrar

Saya _____ berasa _____ kerana patuh kepada ajaran agama.

Nota Guru

- Bimbing murid untuk memilih laluan yang betul dengan menggunakan pelbagai warna.
- Bimbing murid untuk melengkapkan ikrar dan membacanya di hadapan kelas.
- Perbanyak halaman dan tampal dalam buku latihan mengikut kreativiti.



Kenali Ajaran Agama

Temu bual ahli keluarga.
Lengkapkan borang di bawah.

Borang Temu Bual

- Nama: _____
- Hubungan: _____
- Agama: _____
- 1. Contoh perlakuan patuh kepada ajaran agama.
- a) _____
- b) _____
- 2. Tujuan patuh kepada ajaran agama.
- a) _____
- b) _____
- 3. Perasaan apabila patuh kepada ajaran agama.
- a) _____
- b) _____



Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak patuh kepada ajaran agama dalam keluarga?

1.1
1.2
1.4
1.5



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Minta murid membentangkan hasil dapatan mereka.
- Bimbing murid main peranan perlakuan patuh kepada ajaran agama yang diamalkan dalam keluarga masing-masing.





Uji Diri


Warnakan gambar yang menunjukkan patuh kepada ajaran agama.



Berpakaian sopan.



Bersalam dengan datuk.



Beribadat mengikut ajaran agama.



Membuang sampah merata-rata.



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.



Membantu nenek.

Saya Vanaja.
Saya gembira
dapat membantu
ahli keluarga.



Menjaga adik.



Memberikan ubat
kepada abang.

Saya Wai Chen.
Saya bangga
dapat membantu
ahli keluarga.



Meminjamkan
pensel warna
kepada kakak.



Apakah jenis bantuan yang boleh diberikan kepada keluarga?



Ceritakan cara kamu membantu keluarga.



- Bimbing murid untuk menyatakan jenis bantuan kepada keluarga dari aspek kebendaan, sumbangan tenaga dan sokongan moral.
- Bimbing murid untuk bercerita tentang pengalaman mereka memberikan bantuan kepada keluarga.



Bantu-membantu Amalan Mulia

Fahami gambar di bawah.

1

Tindakan

Fahmi menolong abang mengemas katil.



Kesan

Katil abang kemas.

Perasaan

Fahmi berpuas hati.

2

Fahmi mengajar adik membaca.



Adik pandai membaca.

Fahmi berasa bangga.

3

Fahmi menolong ibu di dapur.



Meringankan kerja ibu.

Fahmi berasa gembira.



4

Fahmi meminjamkan topi keledar kepada kakak.

Keselamatan kakak terjamin.

Fahmi berasa tenang.



Nyatakan sikap baik hati Fahmi terhadap keluarga.
Terangkan kesan setelah kamu membantu keluarga.

2.1
2.2
2.3
2.4



Nota Guru

- Bimbing murid memahami gambar.





Baik Hati Amalan Terpuji

Gunting dan tampal.

memujuk adik

meminjamkan papan congkak

menyusun buku di rak

melipat pakaian



Apakah yang
perlu saya
lakukan?



Nota Guru


- Perbanyak halaman ini dan minta murid tampal hasil kerja mereka dalam buku latihan.
- Jaga keselamatan murid semasa melakukan aktiviti ini.



Baik Hati dalam Keluarga

Hayati gambar di bawah.

1



Ayah baru pulang dari tempat kerja.

2



Kakak sedang menyapu sampah di halaman rumah.

3



Emak sedang mengemaskan meja makan.

Bagaimanakah saya boleh membantu keluarga?



Berdasarkan gambar di atas, lakonkan sikap baik hati kamu terhadap ahli keluarga.

2.1
2.2
2.3
2.5



Nota Guru

- Bimbing murid untuk main peranan situasi di atas.
- Bimbing murid menyatakan kesan apabila membantu ahli keluarga.





Uji Diri

Padankan situasi dengan tindakan baik hati.
Apakah yang perlu kamu lakukan?



Mengelap
lantai



Mencuci
basikal



Membuang
sampah



Menyidai
pakaian



Menyapu
daun



Nota Guru


- Perbanyak halaman ini.



TANGGUNGJAWAB SAYA DALAM KELUARGA



Fahami contoh tanggungjawab terhadap keluarga.



Mendengar nasihat ayah.



Membantu ibu.



Menemani kakak.



Menjaga keselamatan adik.



Saya gembira kerana dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.



Nyatakan cara kamu melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga.





Kepentingan Tanggungjawab dalam Keluarga

Ceritakan gambar.



Hubungan keluarga menjadi erat.



Keselamatan keluarga terjamin.

3

Kami menolong
nenek di dapur.



Meringankan tugas keluarga.

4

Kami belajar
bersungguh-sungguh.



Membanggakan keluarga.



Mengapakah kamu perlu melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga?



Nyatakan perasaan kamu apabila melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.

3.1
3.2
3.3
3.4
3.5



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menceritakan pengalaman melaksanakan tanggungjawab dalam keluarga.



Rumah Tanggungjawab

Mari hasilkan Rumah Tanggungjawab.

Alatan dan Bahan

Pen penanda, kertas lukisan, dua helai kertas berlainan warna dan gam.



1



Lipat kertas warna untuk membentuk bumbung. Tuliskan tajuk.

2



Lipat kertas warna menjadi tiga bahagian. Tuliskan contoh tanggungjawab terhadap keluarga.

3



Tuliskan perasaan. Tampalkan lipatan di atas kertas lukisan.

4



Rumah Tanggungjawab yang telah siap.



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menghasilkan Rumah Tanggungjawab mengikut kreativiti masing-masing.
- Pamerkan hasil kraf tangan di Sudut Pendidikan Moral.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.



Album Tanggungjawab Saya Terhadap Keluarga

Secara berkumpulan, bincang dan lengkapkan. Hasilkan album tanggungjawab.



Cara : _____
Kepentingan: _____



Cara : _____
Kepentingan: _____



Cara : _____
Kepentingan: _____



Contoh Album Tanggungjawab dalam keluarga.

3.1
3.2
3.3



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti.
- Besarkan saiz gambar mengikut kesesuaian dan kreativiti.
- Galakkan murid menjalankan aktiviti berdasarkan sumber media cetak dan elektronik.
- Perbanyak halaman ini.



Uji Diri

Tulis sikap bertanggungjawab atau tidak bertanggungjawab berdasarkan gambar. Nyatakan kesan.

Bertanggungjawab/
tidak bertanggungjawab

Kesan



Blank writing area for the first scenario.

Blank writing area for the first scenario.



Blank writing area for the second scenario.

Blank writing area for the second scenario.



Blank writing area for the third scenario.

Blank writing area for the third scenario.



Blank writing area for the fourth scenario.

Blank writing area for the fourth scenario.



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.




1 Ayah, saya menjadi johan dalam pertandingan mewarna. Terima kasih kerana membimbing saya. Hadiah ini untuk ayah.


2 Sama-sama. Ayah bangga dengan kamu.

3 Swee Ling, nenek gorengkan ayam kegemaran kamu.

5 Bagus. Amalan berterima kasih dapat mengeratkan hubungan keluarga.

4 Terima kasih nenek.

 Berdasarkan dialog, nyatakan cara berterima kasih terhadap keluarga.

 Apakah perasaan kamu apabila berterima kasih terhadap keluarga?

4.1
4.2
4.4



Nota Guru

- Minta murid menyatakan cara lain berterima kasih terhadap keluarga.
- Bimbing murid menyatakan kepentingan berterima kasih terhadap keluarga.



Penghargaan Terhadap Keluarga

Fahami situasi di bawah.



Terima kasih ibu kerana menghantar saya ke sekolah.

Sama-sama, Mei Ting.

Kepentingan: disayangi oleh ibu

Perasaan Mei Ting: bahagia



Nyatakan cara lain Mei Ting boleh berterima kasih terhadap ibunya.



Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid menyatakan cara mereka berterima kasih terhadap ibu.




Mari Menghargai Ahli Keluarga

Fahami situasi di bawah.

Terima kasih abang atas tunjuk ajar. Saya menjadi johan dalam pertandingan larian.

Kepentingan:
dikagumi oleh abang

Perasaan Jonny: gembira



Andrew, baju ini untuk kamu.

Cantiknya! Terima kasih kakak.

Kepentingan:
dihargai oleh kakak

Perasaan Andrew: seronok



Oh, Tuhanku!
Saya mohon
agar ayah
sentiasa sihat.

Kepentingan:
disayangi oleh ayah

Perasaan Thomas: sayang



Ramalkan kesan jika kamu tidak berterima kasih terhadap keluarga.

4.1
4.2
4.3
4.4



Nota Guru

- Bimbing murid memahami situasi dan menjawab soalan.




Hadiah untuk Ibu

Mari hasilkan alat serba guna.



Alatan dan Bahan

Gam, botol plastik, pen penanda, gunting, reben, pita pelekat, stiker hiasan dan kertas warna.




1
Tanda dan gunting botol.



2
Balut bahagian yang digunting.



3
Masukkan plastik dan tutup dengan penutup botol.



4
Tulis dan tampal ucapan "Terima kasih, ibu".



5
Hiaskan.



6
Alat serba guna yang telah siap.



Nota Guru

- Bimbing murid menghasilkan alat serba guna ini mengikut kreativiti.
- Jaga keselamatan murid semasa melakukan aktiviti ini.
- Minta murid memberikan hadiah kepada ibu masing-masing sebagai tanda berterima kasih.



Hargai Keluarga

Mari berfikir.

Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid membuat kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan menerima kad manila, pen penanda dan kad Jom Fikir yang berlainan.
3. Setiap ahli kumpulan menulis jawapan pada kad manila yang sama secara bergilir-gilir.
4. Ketua kumpulan membentangkan hasil dapatan.
5. Ahli kumpulan menulis maklumat tambahan pada hasil kerja kumpulan lain.



Kad Jom Fikir 1


Ibu menyeterika pakaian seragam sekolah kamu setiap hari.

Bagaimanakah cara kamu berterima kasih terhadap ibu?

Kad Jom Fikir 2

Kamu demam. Kakak memberikan ubat mengikut waktu.

Mengapakah kamu perlu berterima kasih kepada kakak?



Kad Jom Fikir 3

Kamu sentiasa berterima kasih kepada ahli keluarga.

Apakah kesan jika kamu mengabaikan sikap berterima kasih terhadap ahli keluarga?

4.1
4.2
4.3




Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Round Table* dan *Gallery Walk*).
- Bimbing murid membentangkan hasil perbincangan.
- Hasilkan kad Jom Fikir yang lain jika perlu.



Uji Diri

Lengkapkan teka silang kata.



Menegak

1. Morina memberikan _____ kepada kakak.
2. Alex _____ jasa ibu dan bapanya dengan belajar bersungguh-sungguh.
3. Berterima kasih dapat memupuk hubungan yang _____ dalam keluarga.
4. Malvinder berasa _____ apabila memberikan jambangan bunga kepada ibunya.

Melintang

5. Rajeng _____ ibunya sebagai tanda berterima kasih.
6. Rozita mengucapkan _____ kepada datuk yang membantu membuat layang-layang.
7. Ravin membuat _____ ucapan sempena sambutan Hari Bapa.



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.





HEMAH TINGGI DALAM KELUARGA



Fahami situasi di bawah.

5

Kami bangga mempunyai anak yang beradab sopan.

1

Apa khabar datuk, nenek?

2

Kami sihat, Roger.

3

Wah, beradab sungguh Roger!

4

Datuk berasa gembira mempunyai keluarga yang berhemah tinggi.



Senaraikan amalan hemah tinggi yang telah kamu lakukan dalam keluarga.



Mengapakah kamu patut berhemah tinggi dalam keluarga?

5.1
5.2
5.4



Nota Guru


- Bimbing murid memahami gambar.



Beradab Sopan dalam Majlis


Hayati cerita di bawah.

1



Raju mengucapkan selamat datang kepada datuk dan neneknya.

2



Raju menjemput datuk dan neneknya duduk.

3



Raju mengucapkan selamat hari ulang tahun perkahwinan kepada datuk dan neneknya.

4



Raju menjemput datuk dan neneknya makan.



Apakah sikap hemah tinggi yang ditunjukkan dalam gambar?



Nyatakan kesan jika kamu tidak berhemah tinggi dalam majlis.




Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.



Hemah Tinggi Disayangi Keluarga

Fahami situasi.



Menghormati orang tua.



Meminta maaf.



Meminta izin meminjam mainan.



Hemah tinggi membentuk keluarga harmoni.

Ucapan selamat.



Ceritakan sikap hemah tinggi yang terdapat dalam gambar.



Apakah perasaan kamu apabila berhemah tinggi dalam keluarga?



5.1
5.2
5.4



Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.



Susun Suai Gambar Adab Sopan

Mari jalankan aktiviti di bawah.

Alatan dan Bahan

Gunting, pensel warna, gam dan kertas lukisan.



Cara menjalankan aktiviti:



1. Gunting rangkai kata dan keratan gambar.
2. Cantum dan tampal keratan gambar pada kertas lukisan.
3. Padankan rangkai kata dengan gambar yang betul.
4. Warnakan.



MAAFKAN SAYA



BERPAKAIAN
SOPAN



5.1



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.
- Pamerkan hasil kerja di Sudut Pendidikan Moral.



Cerita Hemah Tinggi

Fahami cerita. Jalankan aktiviti di bawah.

ANUGERAH IKON ANAK TERBAIK

Justin, 8 tahun, telah terpilih sebagai penerima Anugerah Ikon Anak Terbaik. Dia sentiasa menunjukkan tingkah laku yang baik, berbudi bahasa dan berpakaian sopan. Sikap hemah tinggi Justin telah mengharumkan nama baik keluarganya. Dia berasa bangga.



Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid membuat kumpulan dan melantik seorang ketua.
2. Bincang dan catatkan amalan, kepentingan dan perasaan berhemah tinggi.
3. Tulis dan tampalkan hasil perbincangan.
4. Ketua kumpulan akan memberikan penerangan.
5. Ahli lain akan bergerak ke kumpulan lain untuk menyoal dan mendapatkan maklumat.



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti pembelajaran abad ke-21 (*Three Stray One Stay*).
- Sediakan situasi tambahan jika perlu.





Lakonan Berhemah Tinggi

Lakonan situasi dalam kumpulan.
Lengkapkan jadual di bawah.



Situasi A Emak meminta kamu mengajar adik membaca buku cerita. Kamu pula perlu menyiapkan kerja sekolah.

Situasi B Kamu baru balik dari sekolah. Ayah dan ibu sedang berbual di ruang tamu.

Situasi C Ketika kamu hendak pergi bermain, datuk dan nenek datang ke rumah.

Apakah tindakan kamu?



| | A | B | C |
|-----------------------------|---|---|---|
| Tindakan Berhemah Tinggi | | | |
| Kesan Tidak Berhemah Tinggi | | | |

5.1
5.3
5.5



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.



Uji Diri

Jawab soalan di bawah.

1. Berikan dua contoh sikap hemah tinggi.

- a) _____
b) _____

2. Senaraikan dua amalan berhemah tinggi dalam keluarga.

- a) _____
b) _____

3. Jelaskan dua kepentingan berhemah tinggi dalam keluarga.

- a) _____
b) _____

Kesan berhemah tinggi
dalam keluarga.

1. _____
2. _____

Kesan tidak berhemah
tinggi dalam keluarga.

1. _____
2. _____



Nota Guru

• Perbanyak halaman ini.



Nyanyi dan fahami lagu di bawah.

Hormati Keluarga

Hormatilah ayah ibu
Abang serta kakakmu
Sulong hingga adik bongsu
Kita hormat selalu.



Jaga tutur kata kita
Jangan tinggi suara
Jaga hati orang tua
Hidup aman sentiasa.

Peraturan keluarga
Mari patuh bersama
Hubungannya jadi mesra
Tanda hidup bahagia.

Beri salam tegur sapa
Pada ahli keluarga
Kita hormat pada semua
Hidup riang gembira.



IMBAS SAYA

-  Nyatakan cara menghormati ahli keluarga yang terdapat dalam seni kata lagu.
-  Ceritakan perasaan kamu apabila menghormati ahli keluarga.



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menyanyikan lagu dengan rentak lagu *Oh, My Darling Clementine*.
- Bimbing murid menggunakan kaedah sumbang saran untuk menyenaraikan maklumat.



Hormat-menghormati Keluarga Harmoni

Fahami gambar bersiri di bawah.


Saya menghormati keluarga saya.



Menyambut kepulangan ayah.



Bersalam dengan ayah.



Ayah berehat selepas balik dari pejabat.



Minta adik bersedia untuk doa makan.



Makan dengan tertib.



Menghormati waktu rehat ibu bapa.



Ayah memuji sikap hormat yang ditunjukkan oleh Hakimi.

Saya gembira kerana keluarga saya saling menghormati. Kami hidup bahagia.



Ceritakan cara Hakimi menghormati ahli keluarganya. Bagaimanakah kamu menghormati ahli keluarga?

6.1
6.2
6.3
6.4
6.5




Nota Guru

- Bimbing murid untuk memahami gambar bersiri.
- Bimbing murid untuk melakukan aktiviti main peranan berdasarkan cerita.



Hormati Keluarga

Lengkapkan peta bulatan.



Apakah yang akan berlaku jika kamu tidak mematuhi nasihat ibu bapa?



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.
- Bimbing murid untuk memilih cara menghormati keluarga yang betul.

6.2
6.3



Topeng Hormat-menghormati

Hasilkan topeng. Lakonkan dialog di bawah.

Alatan dan Bahan

Gunting, gelang getah, penebuk lubang, pen penanda dan pinggan kertas.



1

Lukiskan mata, mulut dan rambut.



2

Gunting mata dan mulut.



3

Warnakan mulut dan rambut.



4

Tebuk lubang dan ikat dengan gelang getah.



5

Topeng yang telah siap.



Dialog Lakonan

Abang: Adik, kita mesti menghormati ibu dan ayah.

Adik: Bagaimanakah caranya, abang?

Abang: Kita mesti mendengar nasihat mereka. Jangan melawan kata-kata mereka.

Adik: Baiklah, abang. Saya akan mendengar nasihat ibu dan ayah.

6.1
6.5



Nota Guru

- Bimbing murid untuk menghasilkan topeng mengikut kreativiti.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.
- Bimbing murid untuk melakonkan dialog dengan memakai topeng.
- Sediakan situasi lain yang sesuai untuk dilakonan.



Hormati Semua Ahli Keluarga

Lengkapkan dialog.

Menyambut Hari Ibu.



Irene: _____
Ibu: Terima kasih, Irene.

Meminta kebenaran untuk masuk.



Vijaya: _____
Kakak: Silakan masuk, adik.

Memberikan ucapan tahniah.




Chen Hoe: _____
Abang: Terima kasih, Chen Hoe.

Meminta kebenaran meminjam pen.



Thomas: _____
Ayah: Boleh, ayah benarkan.

 Jelaskan kepentingan menghormati ahli keluarga.




Nota Guru

- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti ini.



Nino Hormat Keluarga


Fahami cerita dan lengkapkan jadual.



1
Keluarga Nino membina empangan untuk memerangkap ikan.




2
Nenek terjatuh semasa membina empangan.



3
Kaki nenek cedera.



4
Nino sekeluarga merawat kecederaan nenek.



5
Nino menjemput nenek makan ikan.



6
Nenek memuji sikap Nino kerana menghormatinya. Nino sekeluarga hidup bahagia dan gembira.

Nino menghormati ahli keluarga.

| Cara | Kepentingan | Perasaan |
|----------|-------------|----------|
| 1. _____ | _____ | _____ |
| 2. _____ | _____ | _____ |

6.1
6.2
6.3
6.4



Nota Guru


- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti.
- Bawa murid ke perpustakaan untuk membaca buku cerita yang berkaitan dengan nilai hormat kepada keluarga.



Uji Diri


A. Jawab soalan di bawah.

Datuk dan nenek datang ke rumah kamu.



1. Nyatakan sikap hormat yang patut kamu lakukan terhadap datuk dan nenek.
_____.
2. Mengapakah kamu perlu menghormati mereka?
_____.
3. Apakah perasaan kamu apabila menghormati mereka?
_____.

B. Tampilkan gambar salasilah keluarga kamu.



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.
- Bimbing murid untuk menjalankan aktiviti ini.

Baca keratan akhbar.

Jawab soalan di bawah.



ANUGERAH KELUARGA BAHAGIA



PERAK, 13 Disember – Keluarga Azo menerima Anugerah Keluarga Bahagia. Menurut Azo, ayahnya menyediakan keperluan keluarga dan tempat tinggal yang selesa. Ahli keluarganya saling menyayangi dan mematuhi nasihat ibu bapa. Azo berasa bangga akan keluarganya. Kasih sayang mengeratkan hubungan ahli keluarga.



Nyatakan ciri-ciri keluarga bahagia.



Bagaimanakah Azo mengeratkan kasih sayang sesama ahli keluarga?



Nota Guru

- Bimbing murid memahami keratan akhbar.



Keluargaku Syurgaku

Fahami dialog.

2

Kita perlu mematuhi nasihat ibu bapa dan meluangkan masa bersama-sama keluarga.

3

Kita juga perlu mengambil berat perasaan ahli keluarga.

1

Ayah, bagaimanakah cara mengeratkan kasih sayang?






1 Ibu, mengapakah kita perlu menyayangi keluarga kita?

2 Supaya kita dapat mengeratkan hubungan dan mewujudkan suasana yang harmoni.

3 Saya gembira kerana dapat menyayangi keluarga saya.

 Nyatakan cara kamu menyayangi ahli keluarga.

- 7.1
- 7.2
- 7.3
- 7.4
- 7.5



Nota Guru

- Bimbing murid memahami dialog di atas.

Bunga Kesayangan Keluarga

Mari hasilkan.

Alatan dan Bahan

Gam, batang aiskrim, bakul plastik, span bunga, kertas warna, gambar foto ahli keluarga dan gunting.




1

Lukis dan gunting bentuk daun dan bunga.



2

Lekatkan batang aiskrim.



3

Tuliskan cara menyayangi kakak.



4

Lekatkan gambar dan daun.



5

Bunga Kesayangan Keluarga yang telah siap.




Nota Guru

- Ulangi langkah 1 hingga 5 untuk menghasilkan bunga kesayangan bagi ahli keluarga yang lain.
- Jaga keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti ini.
- Minta murid menghadihkan bunga kesayangan kepada ahli keluarga mereka.



Keluarga Tersayang

Nyatakan tindakan kasih sayang kamu terhadap keluarga dan lakonkan.



Apakah perasaan kamu apabila dapat menyayangi ahli keluarga?

7.1
7.2
7.4



Nota Guru

- Bimbing murid melakukan tindakan kasih sayang bagi setiap situasi di atas.



Jelajah Dunia Kasih Sayang

Mari bermain.

MULA

1 Nyatakan dua cara mengeratkan kasih sayang terhadap ibu.

2 Apakah makanan kegemaran ayah kamu?

3

4

5 Mengapakah kamu perlu mendengar nasihat ibu bapa?

6 Nyatakan dua cara mengeratkan kasih sayang terhadap abang.

7

8 Nyatakan hobi dua ahli keluarga kamu.

9

10 Nyatakan dua ciri keluarga bahagia.

11

12

13

14 Apakah perasaan kamu semasa keluar makan bersama-sama keluarga?

15

TAMAT

Alatan dan Bahan



buah dadu



penanda



pelekat bintang



Papan skor

| Devan | Tan | Jelisa |
|-------|-----|--------|
| ★ | | |

Cara bermain:

1. Lontarkan buah dadu.
2. Gerakkan penanda mengikut nombor pada buah dadu.
3. Jawab soalan.
4. Jawapan yang betul diberikan pelekat bintang.
5. Murid yang sampai ke kotak akhir dengan bilangan bintang paling banyak menjadi pemenang.

7.1
7.2
7.3
7.4



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti di atas.
- Sediakan alatan permainan mengikut kreativiti masing-masing.
- Hasilkan buah dadu yang bernombor 1, 2 dan 3 sahaja



Uji Diri

Susun abjad dan isi tempat kosong.



1 Kita perlu _____ ahli keluarga yang sakit.



2 Rayyan _____ adiknya yang gagal dalam ujian.



3 Navin sentiasa _____ nasihat ahli keluarganya.



4 Saya berasa _____ semasa menyambut hari lahir datuk.



5 Berkelah bersama-sama keluarga _____ hubungan.



Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.

UNIT 8



KELUARGA YANG ADIL HIDUP SEJAHTERA



Konsep

Fahami pantun di bawah.



Jual ubi di tengah kota,
Lembut isinya sedap dirasa;
Semua dikongsi sama rata,
Hidup bahagia aman sentosa.

Ikan selayang ikan gelama,
Ikan tenggiri di dalam raga;
Kasih sayang biar saksama,
Agar diri disukai keluarga.



Anak kancil anak kera,
Makan pisang di tepi muara;
Keluarga adil hidup sejahtera,
Fikiran tenang hati gembira.



Nyatakan contoh sikap adil berdasarkan pantun di atas.
Apakah kepentingan bersikap adil terhadap keluarga?

8.1
8.2
8.3
8.4
8.5



Nota Guru

- Bimbing murid memahami pantun.
- Bimbing murid menyatakan contoh sikap adil yang diamalkan dalam keluarga masing-masing.



Ray yang Adil


Hayati cerita di bawah.

1

Mari kita kemas bilik. Abang kemas katil, Ray sapu sampah dan Ricky bersihkan tingkap.

Setuju!

2



3

Wah, sudah kemas!

4

Bagus, bilik tidur kamu bersih dan kemas.





5 Emak belikan kita alat tulis. Setiap orang mendapat sekotak pensel warna dan sebuah bekas pensel.

6 Terima kasih abang kerana berlaku adil.

7 Ray, emak berasa bangga kerana kamu bersikap adil terhadap adik-adik.

8 Terima kasih, emak. Saya juga berasa gembira kerana bersikap adil.

-  Apakah sikap adil yang ditunjukkan oleh Ray terhadap adik-adiknya?
-  Apakah perasaan kamu setelah bersikap adil terhadap keluarga?

8.1
8.2
8.3
8.4




Nota Guru

- Bimbing murid memahami cerita.



Roda Adil

Mari bermain.



Cara Bermain:

1. Lukiskan bulatan permainan di lantai. Bahagikan bulatan mengikut bilangan kumpulan.
2. Wakil setiap kumpulan bergerak di dalam bulatan apabila muzik dimainkan.
3. Apabila muzik dihentikan, murid yang berdiri di dalam zon merah diminta menjawab soalan berdasarkan kad gambar.
4. Jawapan yang betul akan diberi markah.
5. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi menjadi pemenang.

Kad Gambar 1

Selamat hari ulang tahun perkahwinan, ibu.



Kad Gambar 2

Abang letak baja. Adik siram pokok.



Kad Gambar 3

Pilih kek yang adik suka.



Kad Gambar 4



8.1
8.2



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Sediakan kad gambar tambahan jika perlu.



Bertindak Adil dalam Keluarga

Bincangkan tindakan yang adil dan lakonkan.



Situasi 1

Ayah memberikan wang RM3 kepada kamu untuk membeli aiskrim dan membahagikannya dengan abang.



Situasi 2

Emak meminta kamu dan adik mengemaskan mainan bersama-sama.



Situasi 3

Kakak membenarkan kamu dan adik menggunakan komputer ribanya selama tiga jam.



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.



Sikap Adil Membawa Bahagia

Fahami situasi dan lengkapkan jawapan di bawah.

Rozi sentiasa bersikap adil terhadap ahli keluarganya. Dia akan memberikan kad ucapan kepada semua ahli keluarganya yang menyambut hari lahir. Dia juga membantu ibu bapanya dengan mengagihkan kerja-kerja rumah kepada adik-adiknya. Rozi sekeluarga hidup bahagia dan harmoni kerana bersikap adil. Rozi berasa bangga kerana bersikap adil terhadap keluarga.



SIKAP ADIL ROZI

Cara-cara
bersikap adil.

Kepentingan
bersikap adil.

Perasaan
setelah
bersikap adil.

8.1
8.2
8.3
8.4



Nota Guru

- Bimbing murid menjalankan aktiviti.
- Minta murid menyatakan cara, kepentingan, dan perasaan bersikap adil terhadap keluarganya.
- Perbanyak halaman ini.